



PESTA PERAHU NAGA ANTARABANGSA PULAU PINANG KE- 45 2024

EMPANGAN TELUK BAHANG, PULAU PINANG, MALAYSIA
<https://goo.gl/maps/o9997ZLYGNLT2C3y5>

23 & 24 November 2024 (Hari Sabtu dan Ahad)

BULETIN MAKLUMAT 2

(Sila ambil perhatian bahawa maklumat dalam buletin ini akan menggantikan buletin terdahulu).

Salam mesra daripada Jawatankuasa Penganjur Pesta Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang (PIDBF).

Kami telah menerima sambutan yang sangat baik daripada Ungkapan Minat baru-baru ini. Pasukan yang mengambil bahagian dalam perlumbaan yang akan datang ini adalah dari Australia, Brunei, Taipei, Hong Kong-China, Indonesia, Jepun, Filipina, Qatar, Singapura dan juga negeri-negeri di Malaysia.

Peraturan-peraturan dan Syarat-syarat Perlumbaan

Pesta Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang ke-45 2024 akan mengikuti Peraturan Pertandingan PIDBF.

Bahagian, Kelas Perlumbaan dan Jarak Pertandingan

Bahagian Pertandingan dan Kelas Perlumbaan yang akan dipertandingkan telah disenaraikan di bawah:

	Acara	250m (12 Pelumba)	500m (12 Pelumba)	Tarik Tali Perahu Naga (6 Pelumba)
1	Terbuka Perdana Malaysia	✓	✓	
2	Terbuka Perdana Antarabangsa	✓	✓	✓
3	Wanita Perdana Antarabangsa	✓	✓	✓
4	Campuran Perdana Antarabangsa	✓	✓	✓
5	Terbuka Junior U24 Antarabangsa	✓	✓	
6	Wanita Junior U24 Antarabangsa	✓	✓	
7	Campuran Junior U24 Antarabangsa	✓	✓	
8	Terbuka Senior 40 Antarabangsa	✓	✓	✓
9	Terbuka Master 60 Antarabangsa	✓	✓	✓

Bahagian Pertandingan

Perdana – Perlumbaan kelas utama. Tiada had umur. Terbuka kepada semua peserta.

Junior U24 – **Umur antara 12 tahun dan 23 tahun** (lahir pada atau antara tahun 2001 dan 2012). **Pemalu gendang dan Pengemudi tiada sebarang had umur.**

Senior 40 – **Umur antara 40 tahun and 59 tahun** (lahir pada atau antara tahun 1984 dan 1965). **Pemalu gendang dan Pengemudi tiada sebarang had umur.**

Master 60 – **Umur antara 60 tahun dan ke atas** (lahir pada atau selepas tahun 1964). **Pemalu gendang dan Pengemudi tiada sebarang had umur.**

Kelas Perlumbaan

Terbuka – tiada sekatan ke atas jantina peserta

Wanita – untuk peserta wanita; **Pemalu gendang dan Pengemudi tiada had jantina.**

Campuran – **minimum** empat (4) dan **maksimum** lima (5) pengayuh dari **mana-mana jantina**. Pemalu gendang dan Pengemudi tiada had jantina.

Contoh:

12 Pelumba

5 Pengayuh Lelaki + 5 Pengayuh Wanita	+ Pemalu gendang & Pengemudi tiada had jantina
5 Pengayuh Lelaki + 4 Pengayuh Wanita	+ Pemalu gendang & Pengemudi tiada had jantina
4 Pengayuh Lelaki + 5 Pengayuh Wanita	+ Pemalu gendang & Pengemudi tiada had jantina
4 Pengayuh Lelaki + 4 Pengayuh Wanita	+ Pemalu gendang & Pengemudi tiada had jantina

Kategori

A) **Perlumbaan Lurus** – 250 m & 500 m

- Pasukan-pasukan akan mengharungi peringkat Heats, Repechage, Suku Akhir (Semi Final) & Akhir (Final).

B) **Tarik Tali Perahu Naga**



- Setiap kali dua pasukan akan bertanding sesama sendiri.
- Setiap pasukan akan duduk di 3 tempat duduk terakhir di kedua-dua belah perahu, berhadapan dengan pasukan lawanan.
- Pasukan akan berkayuh untuk menggerakkan perahu ke arah pasukan lawanan.
- Pasukan yang berjaya menggerakkan perahu sejauh 1 meter dari garisan tengah akan ditentukan sebagai pemenang.

Gaya Perlumbaan

Secara duduk

Jenis Perahu yang Disediakan

Perahu Standard (Perahu 22 orang) akan digunakan untuk semua kategori.

Bilangan Peserta

250 m & 500 m : 12 orang Pelumba – Maksimum 14 peserta:
 8 hingga 10 pengayuh
 1 pemalu gendang
 1 pengemudi
 2 pengganti

Tarik Tali Perahu Naga: 6 orang Pelumba – Maksimum 8 peserta:
 6 pengayuh
 2 pengganti

Syarat Kemasukan

Setiap kelab boleh membentuk **maksimum dua (2) pasukan** bawah nama pasukan yang sama iaitu Pasukan A & Pasukan B.

Peserta

Seorang peserta hanya boleh mewakili **satu (1) pasukan** sahaja (sama ada Pasukan A atau Pasukan B).

Penyerahan Borang Penyertaan [*Tarikh tutup: 31 Julai 2024 (Hari Rabu)]

Hantar melalui laman web kami: <https://penangdragonboat.gov.my/>

250 m & 500 m – yuran RM100 setiap acara

Tarik Tali Perahu Naga – yuran RM50 setiap acara

Senarai Kru (pembayaran dan penyerahan sila rujuk Buletin 3)

Yuran RM20 setiap peserta – untuk tag gambar

Butiran Bank

Nama Bank : Malayan Banking Berhad
Alamat Bank : Penang Road branch
Arked Ria Satu
Komtar
10000 Georgetown
Pulau Pinang
Kod Pantas Bank : MBBEMYKL
Nama Akaun : Penang International Dragon Boat Festival
No. Akaun : 5570 5450 1765

Pakej Penginapan dan Pengangkutan

Bagi pasukan yang berminat sila hubungi kami untuk butiran.

Rangka Program

Khamis, 21 Nov	<ul style="list-style-type: none">• Ketibaan Peserta Asing
Jumaat, 22 Nov	<ul style="list-style-type: none">• Sesi Latihan (9 am - 4 pm)• Pendaftaran Pengurus Kru (12 pm - 4 pm)• Sambutan Selamat Datang dan Persidangan (6 pm - 8 pm)
Sabtu, 23 Nov	<ul style="list-style-type: none">• Upacara Pembukaan• Hari Perlumbaan (Lumba 250 m & Tarik Tali Perahu Naga)**• Penyampaian Hadiah
Ahad, 24 Nov	<ul style="list-style-type: none">• Hari Perlumbaan (Lumba 500 m & Tarik Tali Perahu Naga)**• Penyampaian Hadiah• Majlis Jamuan Makan Malam (tiket akan dijual nanti)
Isnin, 25 Nov	<ul style="list-style-type: none">• Bersiar-siar di Pulau Pinang (diurus sendiri) atau peserta-peserta asing bertolak balik

** Acara Lumba Lurus dan Tarik Tali Perahu Naga akan dijalankan **secara serentak**. Oleh itu, pasukan-pasukan dinasihatinya supaya merancang penyertaan mereka dengan bijak.

Program di atas adalah buat sementara waktu dan ia disediakan untuk membantu peserta dengan perancangan awal mereka. Program ini tertakluk kepada perubahan.

Kelas pertandingan akan diaturkan selepas Borang Penyertaan yang sah telah diterima.

Maklumat Perhubungan

Alamat Surat Menyurat	Penang EXCO for Tourism And Creative Economy (PETACE) Level 31, Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) 10503 Pulau Pinang, Malaysia
Nombor Telefon	Tel: +604 650 5133 (Talian Hotline) WhatsApp Mesej Sahaja +6012 483 0448 (Perkara Perlumbaan) +6019 474 9191 (Perkara Hospitaliti)
E-mel	secretarypidbf@gmail.com
Facebook	https://www.facebook.com/penangpidbf?mibextid=ZbWKwL
Laman Web	https://penangdragonboat.gov.my/